

15/03/2003

Kurang ajar Pas bukan untuk kuatkan keyakinan diri

Mat Teruna

ORANG Melayu memang terkenal dengan baik bahasa dan budi pekertinya. Punyalah baik hinggakan ada berpendapat ia tidak membantu dalam membangunkan orang Melayu sendiri.

Oleh kerana baik bahasa dan budi pekertinya hingga menjadi penyebab kepada sikap merendah diri yang keterlaluan, lalu terus meletakkan mereka dalam keadaan terkebelakang yang berpanjangan.

Lalu, ada pemimpin berpendapat agar orang Melayu belajar untuk menjadi kurang ajar. Dengan sifat itu boleh membantu untuk mempunyai keyakinan diri tinggi, seterusnya mampu berdaya saing dan mengatasi kaum lain.

Namun, bukan juga mudah untuk menjadi kurang ajar. Sebelum boleh menjadi kurang ajar, seseorang perlu ada kekuatan pada dirinya seperti kekuatan ekonomi yang ada pada kaum lain di negara ini, khususnya Cina.

Lihat saja bagaimana cekapnya peniaga Cina dalam menawarkan barangan dan perkhidmatannya kepada pembeli Melayu. Baik di kedai, gerai kaki lima, mahupun gedung beli-belah atau dalam perdagangan besar. Dalam urusan niaga yang membabitkan penjual ikan berbangsa Cina dengan kakitangan kerajaan Melayu kelas pertengahan sekalipun, lihat siapa yang lebih mendominasi keadaan jika bukan peniaga jual ikan itu dengan sikap 'superiority complexnya'.

Pembeli Melayu akan meminta tawar harga ikan berkenaan dan jika harga yang diminta begitu rendah, peniaga tadi tidak berasa kekok untuk berkata:

"Lu mau beli, belilah..." atau dia terus tidak melayaninya lagi. Maka tersipu-sipulah pembeli Melayu kelas pertengahan itu, secara senyap dan termalu, lalu beredar dari situ.

Lain pula halnya dengan sikap yang ditonjolkan oleh pembangkang seperti Pas. Dari satu segi, mereka juga nampaknya sudah lama menyemai sikap untuk berkurang ajar, tetapi bukan terhadap bangsa lain, cuma sesama Melayu.

Sikap kurang ajar itu juga bukan atas dasar untuk menguatkan keyakinan diri atau terbentuk daripada kekuatan ekonomi seperti kaum Cina yang diberikan contoh tadi.

Sikap kurang ajar semaian Pas adalah lain. Ia sepenuhnya atas premis politik semata-mata.

Kalau dalam sosiologi ada istilah moral crusade iaitu perjuangan menegakkan nilai baik dalam masyarakat. Misalnya usaha Nabi Muhammad, yang bukan saja 'moral' malah religious crusade dalam melarang penanaman bayi perempuan hidup-hidup pada zaman jahiliah.

Pas pula nampaknya memperjuangkan yang terbalik - bukan pun 'moral' atau religious crusade tetapi immoral crusade atau perjuangan menegakkan akhlak tidak baik, lalu boleh berkurang ajar.

Ini di sebalik semboyan kononnya mereka memperjuangkan Islam. Seolah-olah hendak mengatakan tidak apa untuk berkurang ajar dan tidak bermaruah sementara untuk mencapai perjuangan bermaruah yakni perjuangan suci Islam.

Sebab itulah kita lihat pada suatu ketika, Pas gemar dengan amalan menggelar pemimpin negara. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad saja entah berapa puluh gelaran diterimanya.

Selepas usaha menggelar hilang kehangatan, berlaku anjakan kepada gear lebih tinggi yakni mencarut. Contoh terbaik pada novel Shit karangan seorang ahli seumur hidup mereka.

Apabila ini dikutuk habis-habisan oleh masyarakat, pemimpin Pas segera membela penulis novel itu, maka keluarlah pula dakwaan betapa Tuhan juga mencarut.

Oleh itulah juga tidak menghairankan kini carut-mencarut dihalalkan dalam perjuangan Pas. Contoh terbaru ialah lakaran kartun dalam laman web parti itu di bawah tajuk Che Lah Che Det.

Mungkin ramai yang sudah melihat lakaran kartun ini yang memaparkan betapa Che Lah (yang tentunya ditujukan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) kononnya teringin sangat menjadi PM. Kemudian ada panggilan sedemikian terhadapnya dan beliau tertanya siapa yang memanggilnya PM itu.

Rupa-rupanya seperti yang dilakarkan pada kartun itu, si pemanggil ialah penulis novel Shit yang daripada itu kita tentunya boleh mengagak apa maksud sebenar perkataan PM itu.

Kepada penulis, kurang ajar sebegini adalah keterlaluan. Kalau ia datang daripada bukan Islam kita boleh faham juga, namun daripada laman web parti yang dikatakan memperjuangkan Islam, ia adalah keterlaluan.

Dalam hal ini, terpulang kepada kebijaksanaan kita untuk menanganinya yang tentunya jika tindakan undang-undang yang diambil, ia akan dikatakan bermotifkan politik pula.

Paling tidak, kita harus hebahkan tentang sikap kurang ajar Pas ini agar rakyat benar-benar sedar mengenai sikap buruk mereka dalam skim 'immoral crusade' itu.

Kita juga harus hebahkan betapa kurang ajar Pas lebih tidak dapat diterima, sementelah kurang ajar itu adalah atas nama politik semata-mata dengan bertopengkan Islam, demi mengabui mata kita.

MAT TERUNA,  
Kuantan, Pahang.